

Headline	Semangat hijau Nestle ROCKers		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Apr 2013	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	L-35	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	63 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 821
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,463



Semangat hijau Nestle ROCKers

KUALA LUMPUR 7 April -
Sebanyak 100 batang
pokok telah berjaya
ditanam menerusi aktiviti
"Menjana Nilai
Bersama" bagi membantu
mengekalkan ekosistem
paling kaya di dunia.

Pengarah Urusan
Nestle Malaysia, Encik
Alois Hofbauer, berkata,
perhutanan semula yang
dilaksanakan ini dapat
mewujudkan suasana
harmonis kepada alam
sekitar, manusia dan
pertanian untuk
mendapatkan air.

"Ini kali pertama
sebanyak 100 batang
pokok yang didermakan
kepada FRIM terdiri
daripada Merbau, Cengal
dan Balau telah berjaya
ditanam di Padang 43
Institut Penyelidikan
Perhutanan Malaysia
(FRIM) hari ini, katanya.

"Usaha menanam
pokok ini menyerupai
program yang sedang
kami lakukan di Sabah
baru-baru ini melalui
Projek RiLeaf Nestle yang
telah berjaya ditanam
sebanyak 100,000 batang
pokok," katanya dalam
sidang akhbar hari ini.

Menurut beliau,
program ini merupakan
suatu program
sukarelawan yang
melibatkan 50 warga
kerja syarikat Nestle yang
dikenali sebagai Nestle
ROCKers.